


# **KEPELBAGAIAN MAKNA KATA DALAM BAHASA MELAYU - 1**



**Prof. Madya Dr. Hishamudin Isam**  
**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah**  
**Kolej Sastera dan Sains**  
**Universiti Utara Malaysia**

# PENGENALAN

- Kata semantik berasal daripada kata adjektif bahasa Yunani *semantickos* yang membawa makna *significant* iaitu ‘penting’ atau ‘bererti’.
- ‘sema’ bererti tanda atau lambang.
- Dalam bidang linguistik, semantik ialah bidang yang mengkaji makna atau erti dalam bahasa.



- Semantik atau kajian makna adalah satu bidang yang luas, mencakupi kebanyakan daripada struktur dan fungsi bahasa dan juga masalah dalam kajian psikologi, falsafah dan antropologi.
- Umum - ilmu tentang erti atau perubahan erti sesuatu perkataan.
- Khusus - kajian tentang lambang-lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara makna dengan makna lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat.
- Rumusan - suatu bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa.

# MAKNA



- Makna memainkan peranan yang penting dalam pemakaian bahasa.
- Tanpa makna, sesuatu tutur itu tidak akan dapat difahami dan tidak berguna.
- Pengkajian makna juga memerlukan tinjauan daripada beberapa ilmu lain seperti psikologi dan falsafah.

- Contohnya, semasa proses penterjemahan, pemindahan makna amat penting selain penganalisisan teks dan penstruktur semula bahasa kerana makna menjadi wahana dalam komunikasi yang menggunakan bahasa.

The image shows a digital interface for translating text between Malay and Thai. At the top, there are language selection tabs: DETECT LANGUAGE, ENGLISH, MALAY (underlined in blue), SPANISH, THAI (underlined in blue), ENGLISH, and MALAY. Below the tabs, there are two columns of text. The left column (Malay) contains the following text:

Kesetiaan menghalangi  
Kupindah ke lain hati  
Dan tak ingin ku melukai

Mendambakan cinta ini  
Hanya kekalnya denganmu  
Tapi kudrat tak di tanganku

The right column (Thai) contains the following text:

ความจงรักภักดีเป็นอุปสรรค  
ย้ายไปยังหัวใจอื่น  
และไม่อยากให้ฉันเจ็บ

โดยหาความรักนี้  
แค่อยู่กับคุณ  
แต่ธรรมชาติไม่อยู่ในมือฉัน

- Bidang kajian makna dalam linguistik tertumpu kepada dua perkara utama iaitu:
  - kaitan antara pernyataan bahasa dengan maknanya.
  - perubahan makna, sebab-sebab perubahan makna, dan sejarah makna itu sendiri.

# JENIS JENIS MAKNA

- Makna denotatif
- Makna konotatif
- Makna konseptual
- Makna leksikal
- Makna efektif



# Makna Denotatif

- Berhubung rapat dengan penerangan mengenai fakta yang bersifat objektif
- Lazimnya diberi penjelasan sebagai makna yang sesuai dengan pemerhatian, menurut penglihatan, pendengaran, perasaan atau pengalaman
- Juga disebut sebagai makna sebenar, makna asal, makna mutlak, makna dasar, makna deskriptif, makna leksikal atau makna referensial

- Bunga
- Makna: bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya berwarna-warni dan akan menjadi buah (*Kamus Dewan*, 2005)



# Makna Konotatif

- Makna yang ada kaitan dengan nilai rasa, baik positif maupun negatif.
- Sekiranya nilai rasa itu tidak wujud, maka sifat perkataan itu nanti mungkin tidak memihak mana-mana.
- Contohnya, walaupun perkataan perempuan dan wanita mempunyai makna denotatif yang sama tetapi, kedua-dua perkataan ini mempunyai nilai rasa yang berbeza.
- Perkataan perempuan mempunyai nilai rasa yang rendah manakala perkataan wanita mempunyai nilai rasa yang tinggi.
- Samalah juga dengan perkataan jantan dan lelaki, atau babi dan khinzir.

- Bunga
- Boleh juga membawa makna (*Kamus Dewan*, 2005):
- wang yang diperoleh kerana meminjamkan wang / memberikan modal
- Sesuatu yang dianggap cantik dan menawan (wanita)
- Tanda-tanda / alamat
- Corak yang timbul pada luar tayar



# Buaya



Denotatif?

Konotatif?

# Lampu hijau

Denotatif?







Konotatif?

# Makna Konseptual

- Juga disebut sebagai makna situasional, atau makna gramatikal
- Makna konsep mencakupi komponen seperti benda, tindakan, proses, keadaan, atau konsep lainnya.
- Di dalam makna konseptual, konsep merupakan sesuatu yang asas kerana pokok atau konsep itu sesuatu yang asas dalam komunikasi linguistik.
- Makna konsep bagi sesuatu perkataan sering bergantung pada konteks ayat atau situasi penggunaannya.

# Kepelbagaiannya Kamus Bidang



[Cari](#)[Carian Bestari](#)

## Maklumat Kata

### Kamus Bahasa Melayu

universiti      universiti

[u.ni.ver.si.ti] | اونیفرسیتی

**Definisi :** institusi atau pusat pengajian tinggi yg memberikan ilmu dlm pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah, dan meng-anugerahkan pelbagai peringkat ijazah. (**Kamus Dewan Edisi Keempat**)

### Tesaurus

Tiada maklumat tesaurus untuk kata **universiti**

## Juga ditemukan dalam:

[Kamus Bahasa Melayu \(305\)](#)

[Kamus Bahasa Inggeris \(108\)](#)

[Istilah MABBIM \(7\)](#)

[Istilah Bahasa Melayu \(76\)](#)

[Kamus Thai Melayu Dewan \(5\)](#)

[Daftar Istilah Industri Perkhidmatan Kewangan \(1\)](#)

[Kamus Dewan Perdana \(1\)](#)

[Artikel Akhbar \(488\)](#)

[Artikel Majalah \(123\)](#)

[Ensiklopedia \(180\)](#)

[Buku \(1000\)](#)

[Khidmat Nasihat \(491\)](#)

Istilah Sumber	Istilah Sasar	Bidang	Subbidang	Huraian
pandemic	<b>pandemik</b>	Kependudukan	Tiada	Tiada
pandemic	<b>pandemik</b>	Veterinar	Tiada	Tiada
pandemic	<b>pandemik</b>	Perubatan	Tiada	Tiada
pandemic	<b>pandemik</b>	Pentadbiran Perniagaan	Tiada	1. Suatu wabak yang tersebar luas sehingga ramai bilangan rakyat di negara-negara berlainan dihinggapi.
pandemic	<b>pandemik</b>	Perubatan	Tiada	Wabak penyakit yang tersebar luas dan melibatkan banyak negara atau benua.
pandemic	<b>pandemik</b>	Perubatan	Tiada	Epidemik yang begitu meluas, tersebar di keseluruhan kawasan atau benua, atau seluruh dunia.
twindemic	<b>pandemik</b> berkembar	Kesihatan Awam	Tiada	Tiada
pandemic disease	penyakit <b>pandemik</b>	Veterinar	Tiada	Tiada
pandemic disease occurrence	kejadian penyakit <b>pandemik</b>	Perubatan	Tiada	Tiada
early warning	amaran awal	Kesihatan Awam	Tiada	Kaedah pemberitahuan atau notis awal mengenai sesuatu perkara seperti <b>pandemik</b> penyakit berjangkit.

# Makna Leksikal

- Makna leksikal (dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *lexical meaning, semantic meaning, external meaning*) adalah makna unsur-unsur bahasa sebagai lambang benda, peristiwa dan lain-lain.
- Makna leksikal ini dimiliki unsur-unsur bahasa secara tersendiri.
- Ada pula yang menyatakan bahawa makna leksikal adalah makna kata-kata yang dapat berdiri sendiri, baik dalam bentuk imbuhan atau dalam bentuk dasar.
- Juga disebut sebagai makna kamus (*dictionary meaning*).

# KAMUS DEWAN

*edisi keempat*



# Makna Efektif

- Makna kebalikan daripada yang disebutkan.
- Biasanya orang yang mengujarkan perkataan tersebut ingin merendah diri.
- Contoh perkataan seperti teratak, pondok, gubuk, rumah yang tidak sepertinya
- Contoh ayat:
  - Jika saudara ke utara, singgahlah ke **teratak** saya.
  - *teratak* merujuk ‘rumah yang serba kekurangan’
  - Pengucap ingin merendah diri dan tidak mahu menyatakan keadaan rumahnya yang sebenar.

# Teratak



=



# FAKTOR PENENTU MAKNA

- Kebudayaan
- Ciri-ciri paralinguistik
- Tatabahasa
- Keperihalan keadaan



# Kebudayaan

- Cara hidup atau amalan sesebuah masyarakat / kaum.
- Melibatkan tingkah laku, kepercayaan, adat resam, kesenian, dan cara berfikir sesebuah masyarakat.
- Merangkumi hal yang berkaitan dengan kebendaan dan bukan kebendaan (sistem adat resam)
- Kebendaan:
  - Peralatan yang digunakan. Contoh: pakaian – cheongsam (orang Cina), senjata – keris (orang Melayu), alat muzik – tabla (orang India)
- Bukan kebendaan:
  - Seperti adat resam / kepercayaan yang terdapat dalam masyarakat Melayu, Cina, India, dan sebagainya.

# Baju kurung



- Makna ‘baju kurung’ daripada kaca mata orang Melayu:
- Baju kurung mesti longgar dan labuh (tidak boleh mengikut bentuk tubuh), bertujuan menjaga maruah wanita yang tinggi darjatnya.
- Kurung bermaksud – mengurung atau menjaga tingkah laku pemakainya daripada melalukan sesuatu yang boleh memalukan dirinya sendiri, keluarganya, atau bangsa dan agamanya

# Baju Melayu



- Makna ‘baju Melayu’ daripada kaca mata orang Melayu:
- Lima butang baju Melayu melambangkan Rukun Islam manakala butang satu pada baju Melayu teluk belanga dikaitkan dengan tauhid yang mempercayai bahawa Tuhan hanya satu.
- Tiga saku di hadapan baju melambangkan akidah, Islam dan ihsan manakala samping pula membawa maksud kesungguhan menjaga maruah, aurat dan syahwat.
- Pemakaian samping di bawah lutut bermaksud si pemakainya sudah berkahwin manakala di atas lutut bermaksud masih bujang. Sekiranya seseorang sudah berkahwin memakai samping di atas lutut, itu menandakan dirinya mungkin ingin menambah isteri.



# Ciri-ciri Paralinguistik

- Disebut juga parabahasa, iaitu hal-hal yang wujud di luar ruang lingkup bahasa tetapi berkait rapat dengan sesuatu perlakuan bahasa.  
Contoh:
- Memek muka, kenyitan mata, isyarat tangan, dan sebagainya.


# Apakah maknanya?



Apakah maknanya?



# Apakah maknanya?



# Tatabahasa

- Semua bahasa mempunyai peraturan atau sistem yang tersendiri
- Aspek tatabahasa akan membezakan makna, khususnya aspek morfologi.
- Makna akan berubah apabila menerima imbuhan yang berbeza pada kata dasar.
- Contoh: ajar - belajar, mengajar, pelajar, pelajaran

Bentuk	Penggunaan	Contoh Kata Berimbuhan
<b>be-</b>	digunakan untuk kata dasar yang berhuruf awal <i>r</i>	rasa → <b>ber</b> asa rehat → <b>be</b> rehat runding → <b>be</b> runding
<b>bel-</b>	digunakan hanya untuk kata dasar <b>ajar</b>	ajar → <b>bel</b> ajar
<b>ber-</b>	digunakan untuk semua kata dasar <b>KECUALI</b> yang berhuruf awal <i>r</i>	cakap → <b>ber</b> cakap jumpa → <b>ber</b> jumpa lari → <b>ber</b> lari

Bentuk	Penggunaan	Contoh Kata Berimbuhan
te-	digunakan untuk kata dasar yang berhuruf awal <i>r</i>	rasa → <b>ter</b> asa rendam → <b>ter</b> endam rancang → <b>ter</b> rancang
ter-	digunakan untuk semua kata dasar <u>KECUALI</u> yang berhuruf awal <i>r</i>	lewat → <b>ter</b> lewat mahal → <b>ter</b> mahal pegun → <b>ter</b> pegun

# Keperihalan Keadaan

- Disebut sebagai makna konteks
- Perkara yang terlibat
  - Peserta tuturan- jantina, umur, latar belakang sosio ekonomi dan hubungan
  - Latar tuturan- rasmi dan tidak rasmi
  - Tajuk tuturan
  - Penilaian peserta terhadap sesama peserta, latar serta tajuk tuturan.

# Terlihat perbezaannya?

